

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 [ ISNIN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan cadangan bagi membina rumah mampu milik di RPT Batu 1 Jalan Lintang untuk menyelesaikan isu setinggan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, salah satu komponen di dalam Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) yang telah dilancarkan pada 11 Mei 2019 adalah mengenai kawalan pembangunan rumah mampu milik. Perkara ini digariskan dalam DRMM sebagai panduan kepada kerajaan negeri / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam mengawal selia dan memantau penyediaan rumah mampu milik melalui kelulusan Kebenaran Merancang pembangunan perumahan dan hartanah. Manakala harga jualan bagi pasaran bebas adalah berdasarkan harga permintaan dan penawaran.

2. Berdasarkan polisi kawalan pembangunan rumah mampu milik, Kerajaan negeri dan PBT boleh menentukan harga jualan berdasarkan 2 faktor iaitu kemampuan pemilikan oleh penduduk setempat dan pendapatan penengah atau kemampuan penduduk.
3. Kelulusan Kebenaran Merancang dan polisi penetapan kawalan pembangunan rumah mampu milik ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan negeri. Maka sebarang pindaan, rayuan pengurangan peratusan penyediaan, penukaran dan perpindahan serta pindaan harga rumah mampu milik adalah tertakluk kepada pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara **usaha Kerajaan untuk menyelesaikan isu setinggan** serta memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah di negara ini adalah dengan **membina rumah Rumah Mampu Milik** di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR). Sehingga 6 November 2019, sebanyak 137 projek PPR (90,179 unit) telah berjaya disiapkan, manakala 37 projek PPR (15,240 unit) adalah dalam pembinaan dan 22 projek (9,233 unit) dalam pelbagai peringkat perancangan bagi seluruh Negara.
5. **Bagi RPT Batu 1 Jalan Lintang, setakat ini belum ada perancangan untuk membina PPR di kawasan tersebut.** Walau bagaimanapun, cadangan pihak Yang Berhormat amat dialukan untuk mengemukakan tapak yang sesuai melalui Kerajaan Negeri bagi urusan pertimbangan lanjut di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sekian, terima kasih.